

Company Name : AIZO Group Berhad
Date : 23 May 2026
Source : Berita Harian

AIZO Kurangkan Kerugian, Pendapatan Suku Ketiga Meningkat



Pengarah Eksekutif AIZO, Ahmad Rahizal Ahmad Rasidi.

KUALA LUMPUR: AIZO Group Bhd mencatat peningkatan pendapatan sebanyak 8.43 peratus kepada RM34.85 juta bagi suku ketiga tahun kewangan 2026 (S3 TK2026), disokong prestasi lebih kukuh dalam segmen kejuruteraan awam dan tenaga boleh diperbaharui.

Dalam kenyataan media, AIZO berkata pencapaian itu dibandingkan dengan pendapatan RM32.15 juta yang direkodkan pada suku sama tahun lalu.

Syarikat berkenaan turut mencatat pengurangan ketara kerugian sebelum cukai kepada RM0.86 juta berbanding RM3.40 juta pada suku sebelumnya.

Kerugian selepas cukai juga mengecil kepada RM0.79 juta daripada RM3.76 juta sebelum ini hasil peningkatan prestasi operasi merentasi segmen perniagaan teras.

Menurut AIZO, prestasi lebih baik itu didorong oleh jumlah kerja lebih tinggi di tapak Lombong Emas Selinsing, pelaksanaan lebih kukuh dalam projek kejuruteraan awam terpilih serta peningkatan ketersediaan loji dalam segmen tenaga.

Segmen kejuruteraan awam kekal menjadi penyumbang terbesar kepada syarikat dengan pendapatan RM26.69 juta berbanding RM21.86 juta pada tempoh sama tahun lalu.

Bahagian berkenaan turut kembali mencatat keuntungan operasi sebanyak RM0.89 juta berbanding kerugian operasi marginal sebelum ini, disokong sumbangan lebih baik daripada projek Ketengah dan peningkatan kecekapan operasi.

Segmen tenaga pula mengekalkan momentum positif apabila pendapatan meningkat kepada RM2.16 juta daripada RM1.85 juta sebelumnya, manakala keuntungan operasi bertambah kepada RM0.65 juta berbanding RM0.54 juta.

AIZO berkata prestasi lebih kukuh segmen tenaga disumbangkan oleh ketersediaan loji yang lebih baik dan output operasi lebih stabil sepanjang suku berkenaan.

Sementara itu, segmen produk bitumen merekodkan pendapatan lebih rendah sebanyak RM5.99 juta berbanding RM8.42 juta sebelum ini susulan kelemahan harga bitumen global yang menjejaskan harga jualan serta aktiviti perdagangan keseluruhan.

Bagaimanapun, segmen berkenaan kekal mencatat keuntungan operasi sebanyak RM0.18 juta sepanjang tempoh dikaji.

Pengarah Eksekutif AIZO, Ahmad Rahizal Ahmad Rasidi, berkata keputusan S3 TK2026 menunjukkan usaha penstrukturan semula operasi dan pengoptimuman kos syarikat semakin menampakkan hasil.

"Walaupun segmen tertentu masih terjejas oleh tekanan harga luaran dan masa projek, kami melihat peningkatan kestabilan merentasi operasi teras kami, terutamanya dalam kejuruteraan awam dan tenaga boleh diperbaharui.

"Segmen tenaga semakin menjadi penyumbang yang lebih bermakna kepada syarikat, sementara aktiviti berkaitan infrastruktur kami terus mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek dan disiplin operasi yang lebih kukuh," katanya.

Rahizal berkata syarikat akan terus memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti pendapatan, pengukuhan aliran pendapatan berulang dan usaha meletakkan AIZO pada landasan pertumbuhan jangka panjang lebih mampan.

Menurut kenyataan itu, AIZO kekal optimis secara berhati-hati meskipun persekitaran ekonomi pada awal 2026 lebih sederhana.

Katanya, syarikat akan terus menumpukan kepada kecekapan operasi, pengurusan modal berdisiplin serta pelaksanaan inisiatif strategik merentasi segmen kejuruteraan awam, produk bitumen dan tenaga boleh diperbaharui.

AIZO juga sedang memajukan beberapa inisiatif strategik termasuk cadangan kerjasama Kemudahan Bitumen Hijau di Sarawak serta rancangan pengembangan tenaga boleh diperbaharui bagi memperkukuh struktur modal dan fleksibiliti kewangannya.